



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11 Jld.3 (32)
Tarikh : 8 Ogos 2019 / 7 Zulhijjah 1440H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA TAJAAN BADAN ASING TAHUN 2020
➤ JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG TERM
PARTICIPANTS – SDGS GLOBAL LEADER (JFY2020)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Japan International Cooperation Agency (JICA) akan menawarkan penajaan biasiswa bagi peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di Jepun di bawah program SDGs Global Leader (JFY2020).

3. Sehubungan itu, Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengikuti program ini. Tarikh buka dan tutup permohonan/ pencalonan adalah seperti berikut:

- (i) Tarikh permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah bermula pada 8 Ogos 2019 (Khamis) sehingga 30 Ogos 2019 (Jumaat);
- (ii) Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada 6 September 2019 (Jumaat); dan
- (iii) Keputusan pencalonan yang berjaya akan diumumkan di portal eSila, JPA iaitu <http://esilav2.jpa.gov.my> pada Februari 2020.



4. Maklumat lanjut seperti syarat serta tatacara permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran 1. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian 03-8885 3546 atau emel ldp@jpa.gov.my.

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZURA BINTI AZIZ)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
SDGS GLOBAL LEADER (JFY2020)**

1. Syarat-syarat pencalonan

- (a) Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 1 April 2019**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2016, 2017 & 2018)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- (e) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2020)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (f) Kursus yang dipohon adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (g) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (h) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (i) Telah mengisyiharkan harta;
- (j) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (k) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;

(I) Mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris dengan skor minimum seperti berikut:

- | | | | |
|------|--------------------------|---|-----|
| i. | TOEFL PBT | : | 580 |
| ii. | TOEFL iBT | : | 92 |
| iii. | IELTS (Academic Modules) | : | 6.5 |
| iv. | CEFR | : | B2 |

2. Tatacara Permohonan/Pencalonan.

2.1 Tanggungjawab Pegawai.

2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di Portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.ipa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 8 Ogos 2019 (Khamis) sehingga 30 Ogos 2019 (Jumaat)**.

2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan dan/ atau Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

(i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);

(ii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**);

(iii) Salinan Pasport Antarabangsa;

(iv) *JICA Application Form* – diisi dalam Bahasa Inggeris

- *Official Application* (Kosongkan ruangan ‘Confirmation by the organization in charge (if necessary).
- *Part A: Information on the Applying Organization.*
- *Part B: Information about the Nominee* (lengkap dengan gambar berukuran 4 cm x 3 cm)
- *Declaration of desired university placement.*
- *Research and Career Plan.*

(v) Salinan Ijazah Pertama/ Sarjana/ kelulusan yang setaraf dengannya – Skrol dan transkrip rasmi DALAM BAHASA INGGERIS/ diterjemahkan secara rasmi ke Bahasa Inggeris (telah disahkan); dan

- (vi) Salinan pencapaian TOEFL/ IELTS/ CEFRL (sekiranya ada).

Semua dokumen di perkara 2.1.2 di atas hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2) SALINAN** kepada Jabatan ini.

- 2.1.3 Bagi pegawai **Perkhidmatan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing. Bagi pegawai **Perkhidmatan Bukan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Perkhidmatan masing-masing. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Kementerian atau Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan.

- 2.2.1 Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.
- 2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen di **Perenggan 2.1.2**.

